



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGHASILAN IDEA PROJEK, SOALAN PENDORONG,
PERANCANGAN PENTAKSIRAN DAN KESANNYA TERHADAP
KEFAHAMAN GURU KOLEJ VOKASIONAL MENGENAI
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK***

LAILATUL HAZZLINA BINTI MUSA

FPP 2017 20



**PENGHASILAN IDEA PROJEK, SOALAN PENDORONG,
PERANCANGAN PENTAKSIRAN DAN KESANNYA TERHADAP
KEFAHAMAN GURU KOLEJ VOKASIONAL MENGENAI
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK**

Oleh

LAILATUL HAZZLINA BINTI MUSA

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGHASILAN IDEA PROJEK, SOALAN PENDORONG,
PERANCANGAN PENTAKSIRAN DAN KESANNYA TERHADAP
KEFAHAMAN GURU KOLEJ VOKASIONAL MENGENAI
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK**

Oleh

LAILATUL HAZZLINA BINTI MUSA

Julai 2017

Pengerusi : Profesor Madya Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan satu kaedah pengajaran yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013) bagi meningkatkan keberhasilan dan minat pelajar. PBP dapat meningkatkan pelbagai kemahiran pelajar serta merupakan pembelajaran aktif yang membantu pelajar meneroka pengetahuan melalui persekitarannya. Namun, guru masih kurang mengimplementasikan kaedah ini dan kefahaman guru terhadap PBP serta elemen-elemen yang mendasarinya masih di tahap sederhana. Kajian ini bertujuan melihat tahap kefahaman guru, kesan utama dan kesan interaksi elemen-elemen utama PBP iaitu penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran terhadap kefahaman guru mengenai PBP.

Kajian berbentuk *ex post facto* ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dan persampelan rawak mudah bagi mengutip data melalui ujian aneka pilihan dan soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji ke atas 184 orang guru yang mengajar program Diploma di Kolej Vokasional seluruh negeri Perak. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman guru adalah di tahap memuaskan ($M=57.50$, $SP= 14.79$) manakala min bagi penghasilan idea projek ($M=4.39$, $SP= .33$), soalan pendorong ($M=4.43$, $SP= .38$), perancangan pentaksiran ($M=4.66$, $SP= .39$) menunjukkan ketiga-tiganya adalah pada tahap yang tinggi. Ujian *faktorial ANOVA* digunakan untuk melihat kesan utama dan kesan interaksi di antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan menunjukkan kesan utama bagi semua elemen PBP adalah tidak signifikan terhadap kefahaman guru. Secara keseluruhannya didapati penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran juga tidak memberi kesan interaksi yang signifikan $F(2,170) = 3.164$, $p=0.77$ terhadap kefahaman guru mengenai PBP.

Kesimpulannya , tahap kefahaman guru terhadap PBP masih perlu ditambah baik bagi memastikan guru dapat menjalankan PBP dengan baik dan berkesan. Kajian ini memberi kesedaran bahawa salah tanggapan antara pengajaran menghasilkan projek (*doing the project*) dan kaedah PBP (*learning by doing the project*) perlu dijelaskan kepada semua pendidik. Seterusnya kajian ini memberi fenomena sebenar kepada BPTV mengenai kefahaman guru terhadap PBP yang masih di tahap sederhana, agar senario ini diberi perhatian dalam usaha menyarankan PBP sebagai satu kaedah yang sesuai diaplikasikan dalam PTV bagi merealisasikan PPPM (2013-2025).



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

PROJECT IDEA, DRIVING QUESTION, ASSESSMENT PLANNING AND THE EFFECT TOWARDS VOCATIONAL COLLEGE TEACHERS IN UNDERSTANDING PROJECT-BASED LEARNING

By

LAILATUL HAZZLINA BINTI MUSA

July 2017

Chairman : Associate Professor Abdullah Mat Rashid, PhD
Faculty : Educational Studies

Project-based learning (PBL) is one of the instructional methods recommended by the Ministry of Education, Malaysia in the Malaysian Education Blueprint (2013-2025) to enhance students' productivity and interest. PBL may enhance students' multiple skills as it involves an active learning process in exploring knowledge around them. However, teachers are still not fully implementing this method and their understanding on PBL with all the basic elements is still at the moderate level. This study was carried out to identify teachers' understanding, the main and interactional effects of the key elements in PBL, which are project idea creation, driving question and assessment planning, towards teachers' understanding on PBL.

This ex post facto study used purposive sampling and simple random sampling to gather data using a set of questionnaire developed by the researcher. 184 teachers who are teaching in the Diploma programmes in all Vocational Colleges in Perak were involved in this study. The findings show that the teachers' level of understanding is satisfactory ($M=57.50$, $SD=14.79$), in which the mean for project idea creation ($M=4.39$, $SD=.33$), Driving questions ($M=4.43$, $SD=.38$), assessment planning ($M=4.66$, $SD=.39$) are all at the high level. The factorial ANOVA test was used to identify the main and interactional effects of the variables. The findings show that the main effect of all the elements in PBL are not significant with regards to teachers' understanding. In conclusion, project idea creation, driving question and assessment planning are not showing a significant interactional effect $F(2,170) = 3.164$, $p=0.77$ towards teachers' understanding on PBL.

In conclusion, teachers' level of understanding towards PBP needs to be improved to ensure that teachers could implement PBP efficiently and in a better way. This study aims to arise the misunderstanding between teaching 'doing the project' and PBP method, 'learning by doing the project' needs to be explained to educators. In addition, this study depicts the real phenomenon to BPTV regarding the teachers' understanding towards PBP is still moderate, with the hope that this scenario will be given attention in an effort to suggest PBP as a suitable method to be applied in PBP in order to make PPPM comes true.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya saya dapat menyempurnakan kajian saya ini. Alhamdulillah dan terima kasih atas segala bantuan, nasihat, bimbingan dan sokongan daripada pelbagai pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian saya ini.

Ucapan terima kasih yang paling ulung saya ucapkan kepada suami tercinta kerana mengizinkan saya menyambung pelajaran dan menyokong sepanjang perjalanan sebagai seorang pelajar. Seterusnya ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Profesor Madya Dr Abdullah bin Mat Rashid selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak membantu, membimbing dan memberi kata semangat dalam menyiapkan kajian ini. Segala ilmu, idea dan kata semangat yang dicurahkan merupakan pengalaman yang bermakna dalam perjalanan saya mencari ilmu. Buat Datin Dr Ramlah Hamzah, pandangan, nasihat dan bimbingan, kerjasama serta komitmen yang diberikan amat saya hargai dalam menghasilkan kajian ini.

Buat insan teristimewa yang sentiasa di sisi dalam menghadapi cabaran perjuangan ini, suami tercinta Abdul Razak bin Ibrahim, terima kasih atas segala pengorbanan, sokongan dan doa. Buat bonda yang dikasihi Hjh Fawakiah bt. Yang dan ayahanda tersayang Musa bin Zainudin, yang sentiasa mencurahkan kasih sayang serta tidak jemu berdoa agar anakmu ini berjaya.

Anak-anak yang dikasihi, Muhammad Aiman Syahmi, Atikah Qurratuaini, Muhammad Aniq Irfan, Muhammad Amsyar Khalis dan Ayuni Batrisyia, terima kasih kerana turut berkorban sepanjang perjuangan mama. Terima kasih kerana memahami dan menyokong mama. Semoga kejayaan mama menjadi dorongan untuk anak-anak lebih berjaya.

Buat adik-adik dan ipar, terima kasih atas sokongan dan dorongan. Semoga kejayaan ini juga sebagai pembakar semangat untuk adik-adik berjaya.

Buat rakan yang sentiasa membantu dalam kehidupan sebagai mahasiswi di UPM, Fazillah bt Musa, Ayub bin Muis dan Kartini bt Mohd Ismail serta semua rakan seperjuangan terima kasih tak terhingga atas segala bantuan dan sokongan.

Sesungguhnya segala dugaan dan cubaan dalam menyiapkan kajian dan penulisan ilmiah ini memberikan satu makna perjuangan dan kesabaran. Syukur tak terhingga atas peluang, ruang dan nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT hingga ke tahap ini. Hanya Allah yang membalas semua jasa insan-insan yang terlibat dalam kajian dan penulisan ini. Alhamdulillah.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Julai 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Lailatul Hazzlina bt Musa bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penghasilan Idea Projek, Soalan Pendorong, Perancangan Pentaksiran dan Kesannya terhadap Kefahaman Guru Kolej Vokasional Mengenai Pembelajaran Berasaskan Projek” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Dato' Norhasni binti Zainal Abidin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Soaib bin Asimiran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Muhammad Sukri Saud, PhD

Profesor Madya
Universiti Teknologi Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdullah Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Datin Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Lailatul Hazzlina Binti Musa , GS41995

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Abdullah Mat Rashid

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Datin Dr. Ramlah Hamzah

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Limitasi Kajian	11
1.7 Definasi Operasional	11
1.7.1 Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	12
1.7.2 Kefahaman guru terhadap PBP	12
1.7.3 Penghasilan idea projek	12
1.7.4 Soalan Pendorong (<i>driving question</i>)	13
1.7.5 Perancangan pentaksiran	13
1.7.6 Guru Kolej Vokasional	13
1.7.7 Pengajaran Tradisional	13
2	
SOROTAN LITERATUR	15
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Kefahaman guru mengenai PBP	15
2.2.1 Definisi PBP	19
2.2.2 Ciri-ciri PBP	19
2.2.3 Perbezaan Kaedah Pengajaran Tradisional dengan PBP	21
2.2.4 Peranan Guru dalam PBP	23
2.2.5 Pelaksanaan PBP	25
2.2.6 Elemen-elemen PBP	27
2.3 Teori Pembelajaran	35
2.3.1 Teori Konstruktivisme	35
2.3.2 Teori Pembangunan Kognitif	37
2.3.3 Teori Konstruktivisme Sosial	37
2.3.4 Model Pemikiran dan Tindakan Pengajaran (<i>Model of Pedagogical Reasoning and Action</i>)	38
2.3.5 Model Kajian Pengajaran Di Bilik Darjah (<i>Model for the Study of Classroom Teaching</i>)	41
2.4 Kerangka Kajian	42
2.5 Rumusan	43

3	METODOLOGI KAJIAN	45
3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka bentuk kajian	45
3.3	Populasi dan sampel	45
3.3.1	Populasi	45
3.3.2	Persampelan	46
3.4	Instrumen Kajian	48
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	51
3.5.1	Kesahan	51
3.5.2	Kebolehpercayaan	52
3.6	Prosedur Kajian	54
3.7	Analisis Data	55
4	DAPATAN KAJIAN	58
4.1	Pengenalan	58
4.2	Demografi Responden	58
4.3	Tahap Kefahaman Guru , Penghasilan Idea Projek, Soalan Pendorong (<i>driving question</i>) dan Perancangan Pentaksiran mengenai PBP	61
4.3.1	Tahap Kefahaman guru mengenai PBP	62
4.3.2	Penghasilan Idea Projek dalam PBP	63
4.3.3	Soalan pendorong (<i>driving question</i>) dalam PBP	65
4.3.4	Perancangan Pentaksiran dalam PBP	67
4.4	Kesan utama penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran terhadap PBP	68
4.5	Kesan interaksi penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran terhadap PBP	70
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	72
5.1	Pengenalan	72
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	73
5.2.1	Tahap kefahaman guru, penghasilan idea projek, soalan pendorong (<i>driving question</i>) dan perancangan pentaksiran terhadap Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP).	73
5.2.2	Kesan utama penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran terhadap kefahaman guru mengenai PBP	80
5.2.3	Kesan interaksi penghasilan idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran terhadap kefahaman PBP guru.	82
5.3	Kesimpulan	84
5.4	Cadangan Dapatan Kajian	86
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	88
	RUJUKAN	89
	LAMPIRAN	101
	BIODATA PELAJAR	119

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
2.1	Assessment and Teaching of 21st-century Skills	16
2.2	Perbezaan Kaedah Tradisional dengan PBP	22
2.3	Perbezaan peranan guru dalam kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah PBP	24
2.4	Model Pemikiran dan Tindakan Pengajaran	39
3.1	Populasi capaian dan Sampel	48
3.2	Instrumen Kajian	51
3.3	Pengkelasan Indeks Kesukaran	52
3.4	Indeks Diskriminasi dan Pengkelasan	52
3.5	Nilai Indeks Diskriminasi dan Nilai Indeks Kesukaran	53
3.6	Gred Pemarkahan dan Tahap Penguasaan Soalan Objektif	56
3.7	Interpretasi Tahap idea projek, soalan pendorong dan perancangan pentaksiran	56
3.8	Analisis Statistik Objektif Kajian	57
4.1	Responden Mengikut Jantina, Latar Belakang Pendidikan, Pengalaman Mengajar, Melaksanakan PBP dan Menghadiri Kursus PBP	59
4.2	Perbandingan Pelaksanaan PBP oleh Guru	60
4.3	Perbandingan Kehadiran Kursus PBP oleh Guru	61
4.4	Gred Pemarkahan dan Tahap Kefahaman PBP Guru	62
4.5	Min dan Sisihan Piawai Item Penghasilan Idea Projek	64
4.6	Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Pendorong	66
4.7	Min dan Sisihan Piawai Perancangan Pentaksiran	67
4.8	Min dan Sisihan Piawai untuk Penghasilan Idea Projek, Soalan Pendorong dan Perancangan Pentaksiran	68

4.9	Kesan utama idea projek, kemahiran menyoal dan perancangan pentaksiran ke atas kefahaman guru mengenai PBP	69
4.10	Kesan interaksi idea projek, kemahiran menyoal dan perancangan pentaksiran ke atas kefahaman guru mengenai PBP	70



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Model BIE 'Gold Standard PBL'.	28
2.2 Trinity Pembelajaran Berasaskan Projek	33
2.3 Model Kajian Pengajaran Di Bilik Darjah	41
2.4 Kerangka Kajian	43



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian serta penerangan mengenai definisi operasional yang akan dihurai dengan terperinci.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di bawah Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11), sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangkakan memerlukan kelayakan yang berkaitan dengan TVET. TVET merupakan pemacu perubahan bagi menghasilkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran. Kolej Vokasional sebagai salah sebuah institusi pendidikan TVET secara langsung terlibat dalam menyediakan modal insan bertaraf dunia, telah menggalas satu tanggungjawab yang berat bagi merealisasikan RMK 11. Ciri utama Negara berpendapatan tinggi adalah kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi serta tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan professional. Menerusi RMK 11, kerajaan akan menambah baik kurikulum bagi membangunkan kemahiran abad ke-21 dalam diri pelajar. Antaranya adalah menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan penekanan diberikan kepada pembelajaran berasaskan penerokaan dan amali. Bagi menyediakan modal insan bertaraf dunia, sistem pendidikan memastikan setiap murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Untuk itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat bagi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

Selain itu, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) juga diberi perhatian agar dapat menyediakan modal insan yang relevan dalam membantu pembangunan ekonomi Negara. Menurut UNESCO dan ILO (2002), TVET merupakan satu pengajian teknologi dan sains yang berkaitan dengan kemahiran praktikal, sikap, kefahaman dan pengetahuan yang mempunyai hubungan dengan pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial. Bagi memastikan rakyat Malaysia maju dalam mengharungi ekonomi global ini, RMK 11 (2016-2020) akan meneruskan agenda menerusi 4 bidang iaitu: menambah baik kecekapan buruh, mentransformasikan TVET bagi memenuhi permintaan industri, memperkukuhkan pembelajaran sepanjang hayat dan menambah baik sistem pendidikan. Untuk itu, TVET dikenalpasti sebagai pemacu perubahan bagi menghasilkan rakyat yang berkemahiran untuk menuju Negara maju.

Kajian Wan Seman (2007) menunjukkan bahawa data Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia menyatakan bahawa pelajar atau pelatih dari institusi TVET kurang berketerampilan dalam program. Data tersebut juga mendapati penilai latihan tidak kompeten dan kaedah penilaian yang lemah. PLTV perlu melebihkan usaha untuk menjadikan pelajar atau pelatih mempunyai kemahiran asas 3M, mengurus maklumat, kreatif dalam menyelesaikan masalah dan kemahiran belajar yang fleksibel (Abdullah, 2010). Selain itu, pensyarah atau penilai perlu memahami dan menambah baik pengetahuan tentang pengalaman pembelajaran dan amalan pengajaran. Walaubagaimanapun, selain melatih dan memindahkan kemahiran, Pendidikan Teknikal dan Vokasional bertanggungjawab untuk menghubungkan keperluan sosial serta memainkan peranan sebagai enjin perubahan kepada taraf ekonomi dan status sosial masyarakat (Abdullah, 2011).

Pelan Transformasi Vokasional yang telah dijalankan pada tahun 2013 akan memartabatkan bidang vokasional dan membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk pelajar menceburi bidang teknikal dan vokasional. Menerusi RMK 10, agenda paling besar dalam PLTV adalah menaik tarafkan sebanyak 80 Sekolah Vokasional dan Sekolah Teknik menjadi Kolej Vokasional (KV). Seramai 2700 pelajar kumpulan pertama dari KV rintis yang menjalankan program Diploma akan menamatkan pengajian pada tahun 2016. Antara kemuncak dalam program Pelajar Diploma ini adalah pelajar akan menghasilkan satu projek mengikut kursus masing-masing melalui satu subjek yang dinamakan Projek Tahun Akhir yang dulunya dikenali sebagai *Product Based Education*. Pelajar akan menyediakan kertas kerja sebelum menghasilkan projek dan akhir sekali mempersembahkan projek mereka. Kolej Vokasional merupakan salah sebuah intitusi PLTV yang terlibat dalam menghasilkan pelatih dan graduan yang akan memenuhi pasaran industri di Malaysia. Justeru itu, pendidikan di KV perlu selari dengan kehendak pasaran industri. Pengajaran di KV perlu ditambah baik agar keluaran pelatih dan graduan KV lebih berketerampilan.

Tenaga pengajar atau guru merupakan individu terpenting dalam institusi PLTV dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan bersesuaian dengan kehendak masa depan Negara, justeru itu mereka perlu responsif dan peka kepada sebarang bentuk perubahan (Mohd Noor & Hashim, 2011). Ini adalah kerana guru bukan sahaja menyampaikan ilmu dan kemahiran malah bertanggungjawab mengembangkan minat, kebolehan dan bakat pelajar (Siraj & Ibrahim, 2012). Tenaga pengajar PLTV perlu menguasai kemahiran dan pengetahuan secara menyeluruh dan bersedia mengikut program profesionalisme diri bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Institusi PLTV perlu komited untuk menjadi pemacu pembangunan modal insan, melahirkan pelajar yang berilmu dan berkemahiran mengikut kehendak industri serta melahirkan generasi yang menguasai teknologi (Mohd Jalil, Noor Hisham & Annas, 2015).

Namun begitu Laporan RMK 10 menyatakan bahawa penawaran graduan PLTV masih belum selari dengan permintaan industri dari segi kuantiti dan kualiti. PLTV masih belum berjaya menarik minat pelajar. Program pembelajaran sepanjang hayat

yang berkesan perlu bagi meningkatkan kemahiran berterusan dan menyokong permintaan tenaga kerja. Justeru itu kaedah pengajaran perlu diberi perubahan dan penambahbaikan ke arah pembelajaran sepanjang hayat. Guru perlu lebih peka dan memperkayakan ilmu instruksional bagi memenuhi hasrat ini. Guru perlu berubah kepada pengajaran yang berpusatkan pelajar dan memerlukan penglibatan pelajar bagi menghasilkan pembelajaran sepanjang hayat di KV.

Menurut UNESCO, terdapat empat tonggak pendidikan iaitu belajar untuk menguasai ilmu, belajar untuk menguasai kemahiran, belajar untuk menjadi insan berguna dan belajar untuk hidup bekerjasama. Bagi merealisasikan tonggak pendidikan oleh UNESCO ini, pengajaran berbentuk tradisional tidak sesuai dan tidak dapat memenuhi matlamat tersebut. Pendidik perlu membangkitkan perasaan ingin tahu pelajar, memperbanyakkan aktiviti kemahiran praktikal (*hands-on*) dan kemahiran menyelesaikan masalah melalui strategi penerokaan dan penemuan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (BIE, 2015). Namun, fenomena yang berlaku hari ini adalah pengajaran yang memerlukan guru menyelesaikan isi kandungan pelajaran dengan segera dan objektif pelajaran adalah menyediakan pelajar ilmu agar dapat menjawab peperiksaan dengan baik (Nazeri, Ruhizan & Saemah, 2010). Justeru itu, inovasi dan perubahan dalam pendidikan perlu bagi menjadikan pendidikan di Malaysia seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Malaysia tidak ketinggalan juga membuat inovasi bagi membangunkan sistem pendidikan negara melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang diiktiraf sebagai Piawaian Pendidikan Kebangsaan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2010) Antara yang ditekankan dalam SKPM ini adalah standard pengajaran yang baik dan memberikan fokus kepada pemantapan profesionalisme para pendidik. Guru dan pemimpin sekolah adalah penggerak yang paling penting di peringkat sekolah bagi keberhasilan murid (PPPM, 2013).

Pendekatan pengajaran boleh diklasifikasikan kepada tiga iaitu pembelajaran berpusatkan guru, pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran berpusatkan bahan (Eggen & Kauchak, 2012). Pembelajaran berpusatkan guru adalah cara paling tradisional yang melibatkan guru mengajar pelajar dengan cara memberi syarahan, latihan untuk pengukuhan serta menghafal fakta-fakta penting bagi menghadapi peperiksaan (Wurdinger & Enlone, 2011). Pembelajaran berpusatkan pelajar pula berlawanan dengan cara tradisional kerana guru berperanan sebagai pemudahcara untuk membantu pelajar bagi membangunkan kefahaman, membina sendiri motivasi, konsep dan pengetahuan (Holt & Kysilka, 2006). Manakala pembelajaran berpusatkan bahan adalah proses pembelajaran yang memberi penekanan kepada sumber dan bahan bantu mengajar bagi memudahkan pelajar memahami pengajaran guru (Eggen & Kauchak, 2012).

Dapatan hasil cerapan pengajaran guru oleh JNJK, memaparkan fenomena guru yang masih mengamalkan pengajaran berbentuk kuliah berbanding PdP berpusatkan

pelajar. Guru yang efektif adalah guru yang membantu pelajarnya untuk belajar dalam berbagai cara yang boleh diukur atau ditaksir (Cruickshank, Jenkins & Metcalf, 2012). Dalam usaha membangunkan transformasi sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan terbeza dilaksanakan secara efektif di semua sekolah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025). Pembelajaran berpusatkan pelajar ini telah menjadi subjek banyak kajian antaranya, menurut Márquez Lepe & Jiménez-Rodrigo, (2014) yang menyatakan bahawa pembelajaran berpusatkan pelajar berbeza dengan model tradisional di mana tenaga pengajar hanya bertindak sebagai ejen galas ilmu pengetahuan untuk disampaikan kepada pelajar, manakala model pengajaran baru ini adalah lebih terbuka dan berpusatkan pelajar.

Pengajaran dalam pembelajaran berpusatkan pelajar berupaya membina kemahiran sosial bagi mempersiapkan pelajar sebelum ke alam pekerjaan seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan (Noor Hisham, 2011). Pelajar diberi kebebasan untuk berbincang, bertanya, bekerjasama dalam proses pembelajaran (Eggen & Kauchak, 2012) manakala guru berperanan lebih kepada fasilitator, pembimbing, jurulatih, moderator dan pemudah cara terhadap proses pembelajaran (Eggen & Kauchak, 2012). Pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan konsep pandangan terbuka dan selalunya berkait dengan hasil, piawaian, akauntabiliti (Liz, 2014) dan ianya juga pedagogi terbaik untuk meningkatkan markah ujian (Rizvi & Lingard, 2010)

Kementerian Pendidikan Malaysia mula memberi tumpuan terhadap satu pendekatan pendidikan bestari yang mempunyai kelebihan untuk menyediakan murid menghadapi cabaran –cabaran era globalisasi iaitu Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) . Pendidikan bestari merupakan pendidikan yang berpusatkan pelajar yang menumpukan kepada pemikiran dan menjana imaginasi pelajar (Abdul Rahim, 2000), memerlukan pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dengan mengaplikasikan apa yang ada dipersekitaran mereka, lantaran akan melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif (Norianty, Boon, Sharifah & Zuraidah, 2010). PBP dianggap sebagai satu amalan terbaik dalam bidang PdP dalam misi membestarikan sekolah-sekolah di Malaysia di samping beberapa amalan lain dalam pembelajaran abad ke 21. (Bahagian Teknologi Pendidikan , 2006). Pembelajaran abad ke 21 memberi penumpuan kepada cara berfikir yang kreatif dan kritis, boleh mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi , berupaya menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, menggunakan kemahiran teknologi, mahir berkomunikasi dan mampu bekerja secara kolaborasi (Bell ,2010).

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan pendidikan tradisional kepada pendidikan yang berpusatkan pelajar, PBP di dapati amat bersesuaian terutama bagi bidang Teknikal dan Vokasional (PPPM, 2013, RMK 11). Kurikulum PLTV perlu memberi fokus kepada pemikiran kreatif dan kritis sejajar dengan kebolehan pelajar. Kaedah PBP boleh meningkatkan kualiti dan minat pelajar, tambahan pula kebanyakan program yang direkabentuk adalah berasaskan kepada sistem sebenar di industri (Mohd Jalil et al., 2015) Ini secara tidak langsung

akan merealisasikan dan mempercepat Transformasi Institusi PLTV. PBP amat bersesuaian untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat yang disarankan oleh kerajaan Malaysia bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Justeru itu, selari dengan saranan PPPM, PBP amat sesuai dijalankan di KV kerana majoriti kursus yang ditawarkan di KV terlibat dalam bidang Teknikal dan Vokasional. Tambahan pula pendidikan di KV akan terlibat dengan penghasilan produk atau projek, jadi amat sesuai sekali jika PBP diamalkan oleh guru di KV. Pengkaji-pengkaji seperti Yang et.al.,(2015), Mispuah (2015), Wan Nasriha dan Zanaton (2014), Norliza (2012), Trilling and Fadel (2012), Martinez et. al (2011), berpendapat bahawa PBP sesuai digunakan dalam kurikulum pendidikan .

PBP merupakan satu topik yang menarik dan diberi penekanan sebagai pembelajaran efektif sejak akhir-akhir ini (Bender , 2012). Malah PBP dikatakan sebagai satu pendekatan pengajaran inovatif yang sangat bagus dan menjadi model asas untuk abad seterusnya (Bender, 2012). Namun begitu PBP bukanlah sesuatu yang baru, ianya bermula pada awal dekad 1900. PBP mula diperkenalkan semenjak tahun 1960an di sebuah sekolah perubatan di USA. Kemudian pada era 80an PBP diangkat ke peringkat pengajian tinggi termasuk program pendidikan perguruan (Biasutt & EL-Deghaidy, 2014).

PBP diasaskan oleh pembelajaran konstruktivisme oleh Piaget (1953), Vygotsky (1962) , Papert (1980) dan pembelajaran melalui pengalaman oleh Dewey (1983). Menerusi kaedah pembelajaran Papert, pelajar perlu membina model mental bagi memahami dunia persekitaran mereka . Pelajar akan menghasilkan produk/artifak sebagai hasil pembelajaran mereka dan menggunakan teknologi sebagai alat dalam proses pembelajaran di samping berbincang dengan rakan-rakan dan mendapat bimbingan daripada guru. Bersesuaian dengan pembelajaran melalui pengalaman oleh Dewey, pelajar perlu diberikan berbagai pengalaman di dalam kelas dalam usaha untuk membuat persediaan ke dunia kerjaya mereka. Pengalaman pembelajaran yang autentik merupakan ciri PBP yang paling berkesan kerana ia direka dengan kurikulum antara disiplin yang mempunyai hubungan yang kuat antara pengetahuan dengan kehidupan dunia sebenar pelajar (Laur , 2013).

Terdapat berbagai definisi yang digunakan oleh Institusi Pendidikan serata dunia dan pengkaji-pengkaji, antaranya ialah Buck Institute For Education (BIE), (2003) yang mendefinisikan PBP sebagai satu kaedah mengajar yang bersistematik, menghubungkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran melalui perkembangan proses inkuiri berstruktur, autentik serta rekabentuk tugas dan produk. Menurut BIE (2015) PBP didasari oleh 8 elemen iaitu masalah (idea projek) dan soalan pendorong, inkuiri yang berkekalan, autentik, suara dan pilihan pelajar, refleksi, kritikan dan semakan (pentaksiran) serta produk awam. Sementara itu, Edutopia (2016) pula menggambarkan PBP sebagai satu pendekatan bilik darjah yang memerlukan pelajar meneroka masalah dunia sebenar dengan aktif , menghadapi berbagai cabaran dan memperoleh pengetahuan yang mendalam. PBP juga merupakan pembelajaran inkuiri yang menggalakkan perasaan ingin tahu pelajar (Bell, 2010).

Kini ramai pemimpin dan pengkaji pendidikan telah menyarankan PBP sebagai satu amalan instruksional yang terbaik (Krauss & Boss, 2013; Bender, 2012; Larmer & Mergendoller 2010). Sementara itu, kajian Mispuah (2015); Martinez, Herrero, & de Pablo (2011) dan Bell (2010) mendapati kaedah PBP mempunyai kesan yang lebih baik ke atas kemahiran abad ke 21 pelajar berbanding kaedah konvensional dan tradisional. Pelajar perlu menguasai kemahiran abad ke 21 iaitu kemahiran teknologi dan media, kemahiran pembelajaran dan inovasi serta kemahiran pekerjaan (*Partnership for 21st century skills*, 2011). Ini adalah kerana kecemerlangan tidak merupakan kayu pengukur kepada kejayaan seseorang tetapi bakat dan kemahiran abad ke 21 adalah faktor penting bagi menjamin kejayaan dalam pekerjaan (NCREL 2002, Bell, 2010).

Walaupun kajian yang dilakukan oleh pengkaji di Malaysia mendapati PBP memberi kesan yang baik kepada pencapaian dan peningkatan kemahiran pelajar, namun beberapa kekurangan dari segi pelaksanaannya telah dikenalpasti. Kajian kuasi eksperimen yang menggunakan ujian pra dan pasca telah dijalankan oleh Mohd Azli (2012), terhadap 51 orang pelajar tingkatan dua di sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Zon Utara. Kajian tersebut mengenai pendekatan PBP berteraskan teknologi dan kesannya terhadap pencapaian dan penerimaan murid. Dapatan kajian tersebut menunjukkan 96 peratus pelajar berpendapat PBP merupakan satu pendekatan yang tidak membosankan dan menarik. Namun hasil pemerhatian pengkaji mendapati PBP berpusatkan pelajar yang dijalankan masih berterusan bergantung kepada guru dalam menyelesaikan masalah.

Begitu juga dengan kajian Norliza (2012) mengenai kesediaan guru menjalankan PBP yang menjalankan kajian terhadap guru-guru di negeri Selangor selepas mereka mengikuti Latihan Guru Bestari iaitu “Kursus Dalam Perkhidmatan 4 minggu Latihan Guru Bestari (KDP4M) mendapati guru-guru memperolehi pengetahuan yang baik tentang PBP secara menyeluruh. Walaupun pengetahuan guru dalam kajian tersebut baik namun kajian tersebut mendapati guru belum begitu menguasai kemahiran melaksanakan PBP dari segi proses dan langkah-langkah seperti perancangan, soalan pendorong, membina rubrik dan mentafsir artifak.

Selain itu kajian oleh Wan Nasriha (2014) ke atas pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah yang menggunakan modul pengajaran PBP mendapati PBP merupakan kaedah yang dapat meningkatkan kejayaan pelajar, namun kaedah ini masih belum digunakan secara meluas di negara kita. Manakala kajian kuasi eksperimental yang dijalankan oleh Yang (2015) ke atas dua kumpulan rawatan dan kawalan terhadap pelajar tingkatan satu bagi melihat perbezaan pencapaian pelajar selepas guru menjalankan modul program instruksional PBP. Dapatan kajian tersebut menunjukkan guru tidak dapat menjalankan proses pengajaran PBP dengan konsisten kerana guru kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakannya.

Seterusnya, Mispuah (2015) telah menjalankan kajian eksperimental ke atas 128 orang pelajar yang masing-masing terdiri daripada 64 orang kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selama 6 minggu. Kajian tersebut adalah mengenai keberkesanan PBP terhadap pencapaian dan kemahiran abad ke 21 dalam pembelajaran biologi. Dapatan menunjukkan kaedah PBP mempunyai kesan yang lebih baik ke atas kemahiran abad ke 21 pelajar berbanding dengan kaedah konvensional. Seterusnya, Mispuah (2015) mencadangkan agar banyak kajian mengenai PBP di negara ini diperlukan untuk memberi maklumat kepada pihak guru dan pihak yang lain yang berkenaan untuk menggalakkan guru mengaplikasikan kaedah ini di kelas mereka. Hasil kajian Shamsinarhaliah (2015) ke atas guru prasekolah mengenai pelaksanaan dan keberkesanan PBP di peringkat prasekolah merumuskan bahawa guru perlu memahami teori-teori dan prinsip-prinsip yang mendasari PBP bagi menjayakan pelaksanaan pembelajaran melalui pendekatan PBP.

PBP merupakan sebahagian kaedah pembelajaran koperatif yang memberikan kelebihan dan pembangunan menandingi kebaikan pendekatan pengajaran tradisional seperti: pembabitan aktif pelajar dalam proses pembelajaran, pembelajaran sendiri dan berpasukan, integrasi pengetahuan dan kemahiran di pelbagai bidang, proses pemikiran kritikal, sikap yang positif terhadap subjek kajian dan kepuasan pelajar (Martinez, Herrero, & de Pablo (2011). Berbanding dengan pembelajaran tradisional, pelajar dalam kelas PBP mempunyai prestasi yang sangat baik dalam pentaksiran mengenai kandungan pelajaran (Levine, Berghoff, Seybold, Sever & Smiley, 2010; Duncan & Buskirk-Cohen 2011).

Guru merupakan aset penting dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk melaksanakan PBP di institusi pendidikan. Peranan guru dalam PBP berbeza dengan sistem tradisional. Guo (2012) berpendapat bahawa dalam PBP, guru bukan sahaja berperanan sebagai sumber tetapi sebagai pembimbing dan fasilitator, pada masa yang sama menekankan pembelajaran sendiri kepada pelajar (Yuen-ling Li, 2012). Noraini (2009) berpendapat, pemahaman guru mengenai gaya pembelajaran menjadi elemen penting dalam strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Oleh kerana itu, bagi merealisasikan pelaksanaan PBP yang berkesan, guru perlu terlebih dahulu perlu memahami elemen dan prinsip pendekatan PBP. Capraro, Scheurich, Jones, Morgan, Huggins, Corlu, Younes, & Han (2014) juga menekankan bahawa kefahaman guru mengenai PBP dan implementasinya sangat memberi kesan kepada kefahaman seterusnya membina kemahiran pelajar. Sementara itu, *The Model Core Teaching Standards* dalam NBPTS menyatakan bahawa guru perlu faham konsep, alat, struktur disiplin dan menggunakan pelbagai strategi pengajaran bagi menggalakkan perkembangan pelajar terhadap pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kemahiran prestasi dan kefahaman yang mendalam terhadap kandungan mata pelajaran (Eggen & Kauchak, 2012).

Kesimpulannya PBP mengaplikasikan falsafah Dewey dan menyokong teori pembelajaran konstruktivisme yang menyarankan pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada dengan menimba ilmu pengetahuan baru melalui pengalaman dan persekitaran secara kreatif serta menggalakkan kolaborasi antara rakan, guru dan komuniti setempat. Namun realitinya secara keseluruhan para guru masih belum melaksanakan PBP secara meluas (Wan Nasriha, 2014). Pelaksanaannya memerlukan kefahaman guru yang mantap mengenai elemen-elemen PBP. Guru sebagai aset utama yang akan melaksanakan transformasi pendidikan ini agar kita setaraf dengan pendidikan antarabangsa. Pengkaji merasakan perlu dilihat perkara yang asas iaitu kefahaman guru mengenai elemen penting dalam PBP yang akan mencorakkan instruksional guru dalam menjayakan PBP. Dengan harapan ianya dapat memberikan fenomena yang jelas kepada semua pihak dalam usaha meningkatkan martabat pendidikan dan memberi kesan yang terbaik kepada pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) (2012) melaporkan bahawa hanya segelintir sahaja guru yang mengamalkan strategi pengajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Amalan pengajaran yang menarik meliputi kreativiti semasa proses pengajaran agar pelajar tidak hilang tumpuan dan melibatkan diri dalam pembelajaran (Muhamad Zaki, Razali, Azman & Mohd As'ed, 2013). Dapatan kajian JNJK menunjukkan prestasi pengajaran guru pada tahap gemilang adalah 1.3 peratus manakala pada tahap cemerlang adalah 12.9 peratus. Peratusan ini amat kecil berbanding dengan majoriti guru yang berada Tahap Sederhana iaitu 45.29 peratus. Dapatan menggambarkan hanya segelintir guru yang mengamalkan pengajaran yang memberansangkan dan memacu pelajar untuk belajar.

Laporan JNJK (2012) terhadap pencerapan guru ke atas salah satu subjek Teknikal dan Vokasional mendapati keseluruhan pengajaran guru PLTV adalah pada Tahap Harapan iaitu 61.02 peratus. Majoriti guru PLTV belum mempelbagaikan strategi pengajaran mengikut tahap keupayaan pelajar (JNJK 2012). Laporan tersebut menunjukkan bahawa perlu ada satu reformasi terhadap pengajaran guru PLTV berfokuskan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses PdP. Rosenshine (2010) mencadangkan dalam usaha menggalakkan pelajar supaya aktif untuk berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kompeten menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran.

PBP telah dilaksanakan di Malaysia bermula tahun 2006, namun begitu, dapatan kajian yang dijalankan terhadap PBP menunjukkan guru masih belum mempunyai keyakinan mantap dari segi kemahiran, teknik dan sumber untuk melaksanakan PBP dalam PdP secara berkesan (Yang, Abdullah & Ab Rahim, 2015; Mispuah, 2015; Wan Nasriha, 2014; Mohd Azli, 2012; Norliza, 2012). Mohd Azli (2012), telah menjalankan kajian berbentuk eksperimen ke atas pelajar mendapati PBP berpusatkan pelajar yang dijalankan masih berterusan bergantung kepada guru dalam menyelesaikan masalah. Seterusnya Norliza (2012) dalam kajiannya terhadap guru mendapati guru belum menguasai proses dan langkah melaksanakan PBP.

Manakala Yang et. al (2015) yang menjalankan kajian kuasi eksperimental mendapati guru tidak dapat menjalankan proses pengajaran PBP dengan konsisten kerana guru kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakannya. Kajian Shamsinarhaliah (2015) ke atas guru prasekolah merumuskan bahawa guru perlu memahami teori-teori dan prinsip-prinsip yang mendasari PBP bagi menjayakan pelaksanaan pembelajaran melalui pendekatan PBP.

